

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 20 JULAI 2020 [ISNIN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apa keputusan atau hasil kajian untuk melaksanakan **pilihan raya tempatan**.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (PRKT) sepanjang tahun 2018 hingga 2019. Kajian tersebut telah mengenal pasti 3 aspek penting untuk pelaksanaan PRKT iaitu:

- (i) Aspek perundangan yang melibatkan akta-akta dan peraturan-peraturan yang perlu dibuat pindaan antaranya seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 [Akta 473];
- (ii) Aspek implikasi kewangan yang melibatkan kos pelaksanaan PRKT; dan
- (iii) Mekanisme pelaksanaan yang mengambil kira peranan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

2. Buat masa ini perundingan bersama semua pihak berkaitab masih dijalankan. Sehubungan itu kajian PRKT ini masih belum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.